

Kertas Bil. 40/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU
PENYELENGGARAAN JALAN RAYA DI NEGERI
SELANGOR**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PENYELENGGARAAN JALAN RAYA
DI NEGERI SELANGOR**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Ini adalah Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) (selepas ini disebut sebagai "Jawatankuasa").
- 1.2. Penyata ini akan membentangkan secara khusus masalah-masalah berkenaan penyelenggaraan yang dihadapi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) di Selangor.
- 1.3. Pembentangan Penyata ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri masalah-masalah berkenaan dan sekali gus Jawatankuasa ini mahu mengemukakan syor dan cadangan-cadangan yang perlu diambil supaya masalah berkaitan penyelenggaraan jalan dapat diselesaikan.

2. AHLI-AHLI JAWATANKUASA

- 2.1. Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa ini:
 - a) Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok) Pengerusi
 - b) Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (ADN Kawasan Kajang) Ahli
 - c) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing) Ahli
 - d) Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru) Ahli
 - e) Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (ADN Kawasan Selat Klang) Ahli
 - f) Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong) Ahli
 - g) Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (ADN Kawasan Kota Damansara) Ahli

3. LATAR BELAKANG

- 3.1. Ekoran daripada jumlah aduan yang agak tinggi berkenaan keadaan jalan raya di Selangor yang tidak diselenggarakan dengan baik, Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) melalui mesyuarat bertarikh 22 Januari 2015 (Bil. 1/2015) dan 30 April 2015 (Bil. 2/2015) bersetuju untuk menyediakan satu penyata berhubung isu ini dalam usaha untuk membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan permasalahan ini.
- 3.2. Jawatankuasa melalui satu sesi perbincangan yang di adakan pada 12 Mac 2015 telah memutuskan untuk memohon maklumat susulan daripada semua PBT untuk isu-isu yang lebih spesifik seperti berikut:
 - a) Bagaimanakah pihak PBT menyelenggarakan dan membaiki pelbagai kerosakan-kerosakan jalan raya, termasuk:
 - (i) *Standard Operating Procedure ‘SOP’ teknikal bagi setiap jenis kerosakan yang diselenggarakan/dibaiki;*
 - (ii) *Berdasarkan SOP tersebut, berapa lama tempoh yang ditetapkan untuk membaiki kerosakan tersebut;*
 - (iii) *Berapakah kos yang ditanggung bagi membaiki kerosakan tersebut; dan*
 - (iv) *Tempoh waranti oleh kontraktor.*

*(Jawatankuasa turut menyediakan gambar-gambar yang menunjukkan jenis-jenis kerosakan jalan dan bagaimana pihak PBT mengenal pasti dan seterusnya membaiki kerosakan-kerosakan tersebut. Gambar-gambar tersebut adalah seperti di **Lampiran 1A**)*
 - b) Bagaimanakah pihak PBT menguruskan isu pemotongan jalan untuk tujuan penyelenggaraan utiliti daripada pihak ketiga seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan sebagainya (biasanya oleh kontraktor lantikan mereka), termasuk:
 - (i) *SOP sekiranya mana-mana pihak ingin memotong jalan bagi tujuan penyelenggaraan utiliti;*
 - (ii) *Berapakah jumlah kakitangan penguat kuasa yang terlibat di dalam penguatkuasaan pemotongan jalan yang dilakukan secara haram (tanpa permit). Sekiranya tugas ini bukan merupakan tugas hakiki mereka, berapakah jumlah jam yang diperuntukkan oleh mereka untuk tugas ini;*

- (iii) Apakah penalti yang dikenakan bagi pemotongan jalan secara haram; dan
- (iv) Statistik penalti yang dikeluarkan bagi tujuan ini sepanjang tahun 2012 – 2014.
- c) Apakah spesifikasi dan SOP bagi penurapan jalan, termasuk:
- (i) Kaedah yang digunakan ('mill and pave' dan sebagainya);
- (ii) Bagi kawasan perumahan, komersial, industri dan jalan-jalan utama;
- (iii) Jangka hayat jalan yang telah diturap tersebut; dan
- (iv) Tempoh waranti oleh kontraktor.
- 3.3. Jawatankuasa telah mengadakan satu lawatan ke Lembaga Pengangkutan Darat '*Land Transport Authority*' (LTA) Singapura untuk mempelajari amalan terbaik berkaitan penyelenggaraan jalan raya pada 9 Jun 2015.
- 3.4. Lawatan tersebut disertai oleh Ahli-ahli Jawatankuasa seperti berikut:
- | | | |
|----|---|-----------|
| a) | Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad
(ADN Kawasan Ijok) | Pengerusi |
| b) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| c) | Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali
(ADN Kawasan Selat Klang) | Ahli |
| d) | Y.B. Tuan Ng Tien Chee
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
- 3.5. Jawatankuasa juga telah mengadakan satu sesi perbincangan bersama wakil daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor dan wakil daripada *Institute of Engineers Malaysia* (IEM) pada 22 Jun 2015 (Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6/2015) untuk membincangkan kaedah terbaik bagi penyelenggaraan jalan di negeri Selangor.
- 3.6. Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir pada sesi perbincangan tersebut adalah seperti berikut:
- | | | |
|----|---|-----------|
| a) | Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad
(ADN Kawasan Ijok) | Pengerusi |
|----|---|-----------|

- | | | |
|----|---|------|
| b) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| c) | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |
| d) | Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali
(ADN Kawasan Selat Klang) | Ahli |
| e) | Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |

4. SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERIKAN KETERENGAN

4.1. Pegawai yang dijemput untuk memberikan taklimat pada sesi perbincangan bertarikh 22 Jun 2015 adalah seperti berikut:

- a) Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor
 - (i) Tuan Hj. Mas Abdul Rahman bin Mas Mohamed
Timbalan Pengarah
 - (ii) Encik Mazlan bin Mohamad
Ketua Penolong Pengarah Kanan
 - (iii) Encik Mohamad Abdullah bin Ismail
Penolong Pengarah
 - b) Selia Selenggara Engineering Sdn Bhd
 - (i) Ir. Hj. Ahmad Kamel bin Abdul Malik
Ketua Pegawai Operasi
 - (ii) Mohd Saofiean bin Bachok
 - c) Institute of Engineers Malaysia (IEM)
 - (i) Ir. K. Gunasegaran
Penasihat Bahagian Lebuh raya dan Kejuruteraan Pengangkutan
- 4.2. Pegawai yang memberikan penerangan ketika lawatan Jawatankuasa ke Lembaga Pengangkutan Darat ‘Land Transport Authority’ (LTA) Singapura pada 9 Jun 2015 adalah seperti berikut:

- a) Bahagian Pengurusan Aset Jalan, LTA Singapura.
- (i) Encik Nedumaran Ramasamy
Timbalan Pengarah

5. FAKTA DAN PENEMUAN

- 5.1. Jawatankuasa mendapati daripada maklum balas yang diterima daripada pihak PBT, SOP dan tempoh masa membaiki kerosakan sesuatu jalan berbeza mengikut PBT. Maklum balas bertulis daripada PBT-PBT adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 5.2. Sebagai contoh , bagi kerosakan kecil seperti jalan berlubang (lubang kecil), tempoh masa yang diperlukan PBT untuk membaikinya adalah dalam lingkungan masa dua puluh empat (24) jam hingga tiga (3) hari. Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) hanya perlu mengambil masa dua puluh empat (24) jam untuk menampal semula jalan-jalan berlubang manakala kebanyakan PBT seperti Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mengambil masa empat puluh lapan (48) jam untuk melakukan kerja-kerja yang sama. Majlis Bandar raya Shah Alam (MBSA) pula, sebagai contoh, memaklumkan Jawatankuasa bahawa mereka memerlukan tiga (3) hari bagi menyelesaikan masalah tersebut.
- 5.3. Kaedah yang diguna pakai bagi menampal lubang jalan juga berbeza. Sebagai contoh, bagi kerosakan (lubang) kecil, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) hanya menggunakan ‘asphalt cold mix’ untuk menampal jalan-jalan tersebut. Namun demikian, bagi kerosakan yang lebih besar, MDKL menggunakan kaedah menambak dan memadat ‘crusher run’ di lubang-lubang tersebut.
- 5.4. Kebanyakan PBT mempunyai SOP yang sama berkenaan pemotongan jalan oleh syarikat-syarikat utiliti seperti yang dapat dilihat di dalam maklum balas yang diterima oleh Jawatankuasa. Bagi pengembalian semula jalan-jalan yang telah dipotong, pihak Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ) menyatakan bahawa ia kontraktor perlulah menurap semula jalan-jalan tersebut dengan menggunakan kaedah ‘mill and pave’.
- 5.5. Hanya segelintir PBT yang menggunakan kaedah ‘mill and pave’ bagi kerja-kerja penurapan semula jalan. PBT-PBT yang lebih kecil seperti Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) memaklumkan Jawatankuasa bahawa kaedah tersebut masih belum diguna pakai.

- 5.6. Berdasarkan maklum balas tersebut juga, Jawatankuasa telah mendapati bahawa tempoh waranti bagi kerja-kerja penurapan semula jalan dan pembaikan kerosakan jalan adalah di antara enam (6) bulan sehingga dua belas (12) bulan. Jangka hayat kebanyakan jalan yang diturap semula adalah dalam lingkungan tiga (3) hingga lima (5) tahun.
- 5.7. Semasa lawatan ke Singapura, Jawatankuasa telah memperoleh spesifikasi dan ‘*Code of Practice*’ berkenaan penyelenggaraan jalan oleh LTA Singapura. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti di **Lampiran 2, 3, 4 dan 5**.
- 5.8. Jawatankuasa mendapati ketika sesi perbincangan bersama JKR dan wakil daripada IEM bahawa kos bagi penurapan jalan dengan menggunakan kaedah ‘*mill* dan *pave*’ adalah lebih kurang lapan belas peratus sehingga dua puluh peratus (18%-20%) lebih tinggi daripada kaedah penurapan biasa.
- 5.9. Jawatankuasa juga mengambil maklum bahawa pihak JKR Negeri dan wakil daripada IEM bersetuju bahawa spesifikasi yang digunakan oleh pihak Lembaga Pengangkutan Darat ‘*Land Transport Authority*’ (LTA) Singapura adalah baik dan boleh diguna pakai untuk kebanyakan penyelenggaraan jalan di negeri Selangor seperti pemotongan jalan dan pembaikan semula jalan, membaiki lubang-lubang jalan, penurapan semula jalan dan pembaikan semula ‘*manhole*’ dan ‘*grating*’ jalan supaya selaras dengan paras jalan yang sedia ada.

6. SARANAN JAWATANKUASA

- 6.1. PBT perlu melantik kontraktor khusus untuk mengaudit dan mengenal pasti masalah-masalah berkaitan jalan raya seperti kerosakan jalan, kehilangan papan tanda, iklan-iklan serta notis-notis haram dan kerosakan kemudahan-kemudahan berkaitan jalan lain seperti perabot jalan, lampu isyarat dan sebagainya.
- 6.2. Kontraktor audit tersebut perlu bekerja mengikut jadual yang tetap. Sebagai contoh, bagi jalan-jalan utama, pemeriksaan hendaklah dibuat sekali dalam masa dua atau tiga minggu manakala bagi jalan-jalan di dalam kawasan perumahan atau jalan-jalan lain, pemeriksaan boleh dibuat sekali dalam masa dua bulan.
- 6.3. Pihak kontraktor audit perlulah memaklumkan dan membekalkan kepada pihak PBT jadual pemeriksaan yang telah mereka tetapkan supaya pihak PBT atau juru audit kedua dapat memantau kerja mereka dengan mengaudit lima peratus (5 %) daripada jumlah pemeriksaan mereka.

- 6.4. Bagi pembaikan jalan berlubang, Jawatankuasa menyarankan supaya PBT dapat mengikuti SOP pihak *Land Transport Authority* (LTA) Singapura. Jalan tersebut perlulah dipotong cukup besar supaya ia dapat memuatkan mesin pemampat sebelum ditampal menggunakan ‘asphalt hot mix’. Perkara yang sama perlulah dilakukan pada ‘base’ jalan tersebut sekiranya perlu.
- 6.5. Pada musim hujan, sebagai langkah interim, pihak PBT boleh menggunakan tumpahan ‘asphalt cold mix’ sebelum mengguna pakai kaedah yang sama di **Perkara 5.4** setelah cuaca sesuai untuk menggunakan ‘asphalt hot mix’.
- 6.6. Kerosakan jenis ‘pothole’ atau jalan berlubang perlulah diselesaikan dalam masa dua puluh empat (24) jam setelah aduan dibuat atau mendapat laporan daripada Kontraktor Audit yang dilantik mahupun staf-staf PBT. Bagi tujuan ini, pihak PBT perlulah mempunyai sebuah panel kontraktor-kontraktor yang terdiri daripada kontraktor yang bergred tinggi. Ini bagi memastikan mereka mempunyai prestasi kewangan yang kukuh serta peralatan yang lengkap untuk memastikan kerosakan-kerosakan ini dapat dibaiki dalam masa dua puluh (24) jam pada bila-bila masa.
- 6.7. Jawatankuasa juga menyarankan supaya tempoh waranti ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya satu (1) tahun bagi kerosakan jalan dan dua (2) tahun bagi penurapan semula jalan.
- 6.8. Pihak PBT juga boleh mempertimbangkan cadangan untuk diperluaskan kawasan penyelenggaraan bagi satu-satu kontraktor. Berserta dengan pembesaran ini, PBT juga perlulah melantik kontraktor bergred tinggi (Kelas A) kerana mereka mempunyai kelengkapan yang lebih lengkap dan terkini.
- 6.9. Jawatankuasa mengambil maklum keperluan agensi-agensi berkait untuk memotong dan mengorek semula jalan bagi tujuan pemasangan/penyelenggaraan utiliti. Jawatankuasa menyarankan supaya PBT dapat menukuhkan sebuah panel kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen dan berkelayakan untuk melakukan pengembalian semula jalan ‘road reinstatement’ di mana agensi-agensi yang memotong jalan boleh memilih mana-mana kontraktor di dalam panel tersebut untuk melaksanakan pengembalian semula jalan ke keadaan asal.
- 6.10. Pengembalian semula jalan tidak boleh dilakukan dengan menggunakan semula material yang telah dikorek. Jawatankuasa menyarankan supaya PBT merujuk kepada spesifikasi yang telah ditetapkan oleh LTA Singapura yang ditambahbaikkan (penggunaan pasir daripada debu

granit/ debu simen). ‘Code of Practice’ LTA Singapura adalah seperti di **muka surat 42, Lampiran 4.**

- 6.11. Semua kerja pengembalian semula jalan mestilah diratakan mengikut keadaan jalan yang sedia ada. Mendapan tidak patut berlaku sekiranya kerja-kerja pengembalian jalan dilakukan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- 6.12. Semua jalan yang telah melalui proses pengembalian semula perlulah diturap mengikut kaedah ‘*mill* dan *pave*’ ke keadaan yang asal dalam tempoh masa tiga (3) minggu.
- 6.13. Jawatankuasa menyarankan supaya pihak PBT memperkenalkan sistem demerit bagi kontraktor-kontraktor panel pengembalian semula jalan sekiranya mereka gagal untuk melaksanakan kerja-kerja pengembalian semula mengikut spesifikasi yang dicadangkan di **Perkara 5.10** hingga **Perkara 5.12**. Mereka boleh digantung sekiranya gagal mencapai skor yang ditetapkan.
- 6.14. PBT perlu mengguna pakai kaedah ‘*mill* dan *pave*’ bagi kerja-kerja penurapan semula jalan supaya ‘*curb*’ jalan tidak hilang, had ketinggian di jambatan-jambatan mahupun terowong tidak berubah disebabkan ketebalan jalan yang berbeza, ‘*surface runoff*’ yang sempurna dan sebagainya.
- 6.15. Kaedah yang sama juga disarankan untuk kerja-kerja pemotongan jalan mahupun pemberian-pemberian kecil seperti menampal lubang dan sebagainya.
- 6.16. Bahan yang dikorek selepas kaedah ‘*mill* dan *pave*’ dilaksanakan tidak boleh diguna semula untuk menurap jalan tersebut sebaliknya ia boleh dihantar untuk kitar semula. Kerajaan Negeri boleh memulakan industri mengitar semula bitumen melalui syarikat milikan Kerajaan Negeri sekiranya tiada pengusaha yang menawarkan khidmat tersebut.
- 6.17. Jawatankuasa menyarankan PBT untuk memastikan semua ‘*manhole*’ ataupun ‘*grating*’ diratakan mengikut aras jalan sedia ada supaya jalan raya lebih selamat dan selesa untuk digunakan.
- 6.18. Jawatankuasa mencadangkan supaya KPI bagi tujuan ini ditetapkan pada kadar dua puluh (20) ‘*manhole*’ atau ‘*grating*’ seminggu.
- 6.19. Jawatankuasa mencadangkan supaya PBT dapat merujuk dan mengikuti spesifikasi berkenaan penyelenggaraan jalan raya yang telah ditetapkan oleh LTA Singapura.

- 6.20. Jawatankuasa juga menyarankan PBT supaya memastikan dinding penahan ‘*retaining wall*’ di sepanjang longkang mahupun cerun diperiksa dan, sekiranya perlu, dibaiki dan diselenggarakan supaya ia tidak merosakkan jalan.
- 6.21. PBT perlu memastikan bahawa mereka mempunyai bilangan kakitangan yang cukup bagi tugas-tugas penyelenggaraan jalan serta kerja-kerja memantau pembaikan jalan, penurapan semula jalan. Sekiranya perlu, PBT boleh melantik juruaudit untuk membantu melakukan kerja-kerja pemantauan.

7. PENUTUP

- 7.1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri Malaysia, Kementerian Luar Singapura, Suruhanjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan semua agensi kerajaan Singapura yang terlibat di dalam menjayakan lawatan ini.
- 7.2. Jawatankuasa ini juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, individu-individu serta badan-badan korporat yang telah tampil memberi keterangan dan juga urus setia serta pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
- 7.3. Jawatankuasa yakin segala saranan yang terkandung dalam penyata ini akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN.
- 7.4. Penyata ini disediakan oleh **Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran**, Ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT).
- 7.5. Penyata ini telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa yang bermesyuarat pada **2 Julai 2015**. Sekian, terima kasih.

Bertarikh pada **2 Julai 2015** di **Shah Alam**.



Y.B.TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD

Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)

URUS SETIA

- 1.** Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian Dewan
- 2.** Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3.** Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- 4.** Encik Muhammad Khairil bin Khalid
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker